

e - Buletin JKA

informasi untuk dikongsi

GAWAI RAYA DISAMBUT MERIAH

Jamuan Perdana Gawai – Raya 2019 telah diilhamkan dalam mesyuarat pengurusan Politeknik Kuching Sarawak pada 12 Jun 2019. Program ini menggabungkan kesemua jabatan dan unit serta kakitangan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan Politeknik Kuching Sarawak.



Adalah diharapkan dengan mengajurkan jamuan perdana ini akan dapat mengeratkan lagi ukhuwah dan persahabatan di kalangan kakitangan yang telah berkerja dan berkhidmat bersungguh-sungguh kepada Politeknik Kuching khasnya dan Kerajaan Malaysia amnya.

Sejurnya inilah peluang buat semua kakitangan politeknik akan berkenal mesra diantara satu sama lain. >> m/s 5



ISU MENARIK



Bengkel penilaian item, penilaian dan pentaksiran silibus. >> m/s 4

Taklimat pelajar baru Sesi Jun2019. >> m/s 6

Sekitar program Foundation Model Challenge. >> m/s 7

Pembinaan Inkubator Bakeri untuk pelajar PKS. >> m/s 8

Sekitar Program Ramadhan bersama Pusat Islam PKS dan JKA. >> m/s 9

SEKAPUR SIRIH



Alhamdulillah bersyukur kehadrat Ilahi bertemu lagi dalam Buletin JKA Edisi ke-2. Semoga semua pembaca berada dalam keadaan sihat dan baik.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada para pelajar baru Semester 1 Sesi Jun 2019 yang telah berjaya ditawarkan pengajian peringkat Diploma selama 3 tahun di Politeknik Kuching Sarawak. Jutaan tahniah juga diucapkan kepada ibu bapa dan seluruh kaum keluarga yang telah memberikan sokongan dan dokongan atas kejayaan anak-anak mereka.

Kami di PKS khususnya di JKA akan senitasa memberi perkhidmatan yang terbaik di dalam menyampaikan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET).

Di harap para pelajar dapat meneruskan semangat dan iltizam untuk terus kekal di dalam sistem ini bagi menjamin masa depan yang cerah.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah menerbitkan dan menjayakan penerbitan Buletin edisi kali ke-2 ini. Dengan kesinambungan penerbitan buletin ini, saya yakin semua warga PKS dan masyarakat luar dapat berkongsi info terhadap perkembangan aktiviti yang merupakan wadah bagi warga PKS mencetuskan idea untuk dikongsi bersama.

Sekian, terima kasih.
En. Che Zaidi Bin Che Hassan

Sidang Redaksi

Dari Meja Pengarang

Penasihat

Che Zaidi Bin Che Hassan

Retua Editor

Joshua AK Ribi

Pen. Retua Editor

Mohd Nizar Bin Hashim

Mohd Zawawi Bin Aziz
Suriati Binti Ibrahim
Stuart Otto Anak Wilson

Salam Sejahtera,

Syukur kepada Tuhan dengan berkat dan izinNya dapat juga Buletin JKA ini diterbitkan buat kali kedua.

Dengan respon yang positif pada edisi yang pertama, kami pihak redaksi amat berbesar hati mengucapkan terima kasih kepada sokongan yang diberikan.

Pelbagai aktiviti dapat 'dilaporkan' di dalam buletin ini samada aktiviti yang telah dijadualkan di dalam takwim ataupun yang 'add-hock', kami tetap bersedia melaporkannya untuk kenangan bersama.

Akhir kata, semoga penerbitan kali ini menjadi wadah yang berguna untuk semua warga JKA.

Sekian, terima kasih.
Joshua AK Ribi



Bengkel CQI

Jabatan Kejuruteraan Awam

Oleh : En.Redzuan Safri

Hari ini lebih baik dari semalam dan esok lebih baik dari hari ini. Dalam usaha memastikan kualiti pembelajaran berada di tahap yang mampan selaras dengan Dasar Pendidikan Jabatan Penagajian Politeknik dan Kolej Komuniti komited kepada pemberian perkhidmatan latihan kemahiran teknikal yang berkualiti melalui proses penambahbaikan berterusan untuk memastikan keberkesanan sistem pengurusan kualiti bagi memenuhi keperluan para pelanggan', satu sesi Bengkel telah dianjurkan oleh Penyelaras OBE Jabatan Kejuruteraan Awam. Bengkel ini telah dihadiri oleh semua staff di JKA



Proses penambahbaikan kualiti berterusan mengaplikasikan model yang paling meluas digunakan iaitu model 4 langkah kualiti, kitaran Plan-Do-Check-Act (PDCA). Lebih spesifik di dalam proses CQI adalah Planning-Implementation-Monitoring-Assessment.



Menggunakan konsep OBE iaitu Close the Loop, tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menilai sejauh mana pencapaian Course Learning Outcome (CLO) dan Programme Learning Outcome (PLO) pelajar Di Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Kuching Sarawak bagi sesi Dis 2018.

Objektif bengkel ini adalah untuk mempertingkatkan kefahaman tentang pelaksanaan aktiviti CQI mengikut kerangka OBE dalam program akademik di PKS. Ia juga mempertingkatkan kefahaman tentang penyediaan rangka instruksional kursus bagi tujuan pengukuran pencapaian hasil pembelajaran kursus dan program



BENGKEL PEMBINAAN ITEM, PENILAIAN DAN PENTAKSIRAN SILIBUS

Perubahan kurikulum pada masa kini telah menuntut kepada perubahan kaedah pengajaran dan pembelajaran serta kaedah penilaian kepada pelajar-pelajar.

Bagi mencapai keberkesanannya hasil OBE (Objective Based Education) kerangka pentaksiran yang jelas dan terpandu merupakan jaminan kepada pentaksiran yang boleh memberi keadilan kepada pelajar dan kewibawaan kepada institusi tersebut. Secara khususnya, kerangka pentaksiran yang dibangunkan di Politeknik dapat dirumuskan merupakan kerangka pentaksiran yang dapat memberi panduan dan standard kepada seluruh pensyarah dan pelajar Politeknik. Amalan pentaksiran yang baik dapat menghasilkan pelajar-pelajar yang cemerlang dan menjadi insan yang diharapkan.



Sesi Jun 2019 bagi Program DKA,DPB dan DGU

Objektif bengkel ini adalah untuk menyediakan soalan penilaian mengikut kehendak kurikulum yang terbaru dan dikemaskini. Selain itu kursus ini juga dapat menyemak soalan-soalan yang telah dibangunkan agar mematuhi aras Taxonomy yang telah ditetapkan.



Keseluruhan bengkel ini memberikan impak yang sangat baik terutamanya kepada penyelaras kursus yang terlibat dengan kursus yang baru.



SAMBUTAN GAWAI RAYA

Oleh : En.Siti Zubaidah



JKA

Secara tidak langsung, program ini juga memperkuatkan integrasi nasional untuk penyatuan masyarakat, persefahaman antara kaum dan mengekalkan keharmonian berpanjangan. Selain itu, majlis sebegini juga melahirkan keseronokan bekerja dan berkhidmat di Politeknik Kuching Sarawak.

Pada program ini juga pihak politeknik telah menyalurkan sumbangan duit raya kepada pelajar yang kurang berkemampuan dan meraikan staf yang berpencen dan berpindah. Sekalung tahniah dan ucapan semoga berjaya di tempat buat staf JKA iaitu Dr. Mazlina Alang Othman yang berpindah ke PUO. Segala jasa anda di PKS amat kami hargai dan kehilangan anda amat kami rasai.



TAKLIMAT

Pelajar Baru Sesi Jun 2019

Oleh : Pn. Suriati Ibrahim


Sesi Jun 2019 telah bermula pada 1 Julai 2019 dengan sebanyak 223 pelajar ditempatkan di JKA dan bilangannya dijangka bertambah sehingga proses pendaftarannya di tutup. Bilangan ini merupakan pengambilan sederhana di JKA dengan pecahannya setiap program sebanyak 138 DKA, 41 DGU dan 44 DPB.

Satu taklimat ringkas yang disampaikan oleh KJKA iaitu En. Che ZAidi B Che Hassan dengan memperkenalkan kakitangan JKA dan menerangkan sedikit sebanyak mengenai aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan.



FOUNDATION Model Challenge

OLEH : M.Pauzi



ASAS merupakan elemen struktur yang penting dalam menentukan kekuahan dan kestabilan sesebuah binaan. Ia juga berperanan menanggung keseluruhan beban dan mengagihkan beban itu ke tanah. 'Program Foundation Model Challenge' yang dibuat dapat memberi pendedahan dan pemahaman yang lebih kepada para pelajar mengenai fungsi asas dan kepentingan asas untuk sesuatu bangunan.

keseluruhan beban dan mengagihkan beban itu ke tanah. 'Program Foundation Model Challenge' yang dibuat dapat memberi pendedahan dan pemahaman yang lebih kepada para pelajar mengenai fungsi asas dan kepentingan asas untuk sesuatu bangunan.

'Foundation' merupakan salah satu topik yang ada dalam kursus Geotechnical Engineering bagi pelajar semester 3. Pembelajaran yang di buat di dalam kelas kadang –kala belum dapat memberi pemahaman yang sangat jelas mengenai asas kepada pelajar-pelajar. Dengan adanya pertandingan sedemikian, sedikit sebanyak mampu untuk meningkatkan pemahaman mengenai rekabentuk, fungsi, pemilihan, dan kegagalan yang berkaitan dengan 'foundation'.

Program yang dijalankan adalah di mana para pelajar dikehendaki untuk membina model asas cetek (shallow foundation) mengikut saiz yang telah ditetapkan. Bahan-bahan telah disediakan kepada pelajar dan di beri masa 2 hari untuk menyiapkan model mereka. Pemenang bagi model asas yang dibuat adalah bergantung dengan beban yang paling besar yang dapat ditanggung oleh model asas.



INKUBATOR BAKERI STUDENT BUSINESS CENTER


Oleh : Pn. Azrina Bt Madihi

JKA telah melangkah setapak lagi dengan mengadakan inkubator bakeri di Student Business Center (SBC) yang terletak di blok kafeteria kamsis.

Ruang inkubator ini telah dinaik taraf oleh pensyarah seramai 10 orang dengan dibimbing oleh 3 orang tenaga mahir melibatkan kerja-kerja kayu, konkrit dan paip.

Tujuan inkubator ini diwujudkan bagi memberi peluang kepada pelajar JKA untuk memantapkan diri dalam keusahawanan.

Inkubator bakeri dijangka akan memulakan operasi pada awal September 2019 dengan produk-produk berbentuk bakeri dan konsultansi untuk seluruh warga PKS.



Program ihyā' RAMADHAN

Oleh : En.Mohd Azlan

Sesungguhnya bulan Ramadhan bulan yang setiap tahun dinantikan ketibaannya oleh setiap umat Islam, memandangkan ia bulan yang mulia dan memberikan terlalu banyak manfaat, faedah dan fadhilat bagi mereka yang menghayatinya. Antaranya pintu-pintu langit dibuka, pintupintu syurga dibuka dan setiap amalan di lipat gandakan pahalanya. Ibadah fardhu diberi pahala sehingga tujuh puluh kali ganda; manakala ibadah sunat diberi pahala seperti ibadah fardhu. Untuk itu , bagi mengimarahkan bulan

yang mulia ini, Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Kuching Sarawak telah mengadakan program Ihya' Ramadhan yang merangkumi aktiviti - aktiviti seperti tahsinul Quran, tadarus, sumbangan ikhlas dan agihan buah Kurma kepada semua pensyarah JKA, PKS tidak mengira kaum, agama dan bangsa.



Program ini bukan sahaja dapat memupuk kecintaan dan minat terhadap al-Quran malahan ianya merupakan salah satu agenda untuk menghidupkan syiar Islam disamping untuk memahirkan bacaan al Quran sekaligus boleh mengeratkan silaturrahim diantara staff.

Firman Allah Taala yang bermaksud:

Bahaha sesungguhnya (yang dibacakan kepada kamu) itu ialah Al-Quran yang mulia, (yang sentiasa memberi ajaran dan pimpinan), Yang tersimpan dalam Kitab yang cukup terpelihara,Yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci; Al-Quran itu diturunkan dari Allah Tuhan sekalian alam. (Al-Waaqi'ah:77-80)

